

Headline	SESB dan 1 Borneo diminta selesaikan isu pemotongan bekalan		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	15 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	8,784	Readership	26,352
Section	Semasa	Page No	3
ArticleSize	157 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,043		



## SESB dan 1Borneo diminta selesaikan isu pemotongan bekalan elektrik

KOTA KINABALU: Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal mahu isu pemotongan bekalan elektrik di pusat membeli belah 1Borneo disini diselesaikan segera.

Beliau berkata kerajaan negeri menyerahkan kepada pihak Sabah Elektrik Sdn Bhd (SESB) dan pihak pengurusan 1Borneo supaya mengadakan perbincangan bersama untuk mencari jalan penyelesaian masalah berkenaan.

"Ia merupakan masalah lama yang tertunggak yang dihadapi oleh 1Borneo, ia sepatutnya diselesaikan sebelum ini, saya rasa tiba masanya bagi mereka untuk duduk bersama dan menyelesaikan masalah itu tanpa perlu meminta kerajaan negeri campur tangan," katanya pada sidang media di sini kelmarin.

Mohd Shafie berkata dengan perbincangan itu diharap

akan dapat membantu premis perniagaan di pusat membeli belah itu beroperasi seperti sedia kala.

Baru-baru ini SESB telah memotong bekalan elektrik ke pusat membeli belah itu berikutan tunggakan bil elektrik lebih daripada RM8.7 juta.

Pemotongan itu dibuat selepas beberapa notis telah dikeluarkan terhadap pihak pengurusan 1Borneo namun gagal menjelaskan bil yang tertunggak.

Sementara itu, Sabah Electricity Sdn Bhd telah membuat laporan SPRM atas cubaan memberikan sogokan duit kepada pegawai SESB dengan tujuan untuk membolehkan bekalan elektrik di 1Borneo Hypermall dipulihkan tanpa membayar jumlah tunggakan bil elektrik yang dituntut oleh SESB.

SESB dalam satu keny-

ataan kelmarin berkata, kejadian tersebut berlaku pada lewat pagi Jumaat di Wisma SESB. Laporan SPRM telah dibuat serta-merta oleh Pegawai SESB terbabit di pejabat SPRM Kota Kinabalu untuk siasatan lanjut.

SESB juga menuntut keadilan diberikan kepada SESB kerana terdapat banyak tekanan telah diberikan ke atas SESB, tetapi pihak yang gagal membayar hutang ini mengambil kesempatan memanipulasi sentimen politik dan rakyat umum untuk menutup isu-isu dan kelemahan dalaman mereka yang menjadi punca sebenar permasalahan di 1Borneo Hypermall ini.

Harapan SESB agar isu ini dapat diselesaikan dengan segera demi kepentingan bersama serta orang awam yang berkunjung ke hypermall berkenaan.